

MEA.S.12-11/14/5

TINDAKAN SERTA MERTA



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS, 2021-2025:**

**PROSPEK EKONOMI,
KERANGKA KEBERHASILAN BERSEPADU NASIONAL SERTA
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN**

Tujuan

Tujuan Garis Panduan ini ialah untuk:

- i. memaklumkan prospek ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12);
- ii. menggariskan kerangka keberhasilan bersepadu RMKe-12 ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif; dan
- iii. memberi panduan kepada kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun Persekutuan mengenai kaedah permohonan projek dalam tempoh 2021-2025 di bawah RMKe-12.

Prospek Ekonomi RMKe-12

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11)

2. Ekonomi negara terus mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11). Dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan 2016-2018, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar telah mencatat pertumbuhan purata 5.0 peratus setahun. Kadar pertumbuhan ini mencerminkan asas ekonomi Malaysia yang masih kukuh serta struktur ekonomi domestik yang pelbagai. Ekonomi Malaysia juga kekal berdaya tahan meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar berikutan ketegangan perdagangan Amerika Syarikat dan China yang berterusan, harga komoditi yang rendah serta permintaan global yang lebih sederhana.

3. Pertumbuhan KDNK bagi keseluruhan tempoh RMKe-11 adalah dianggarkan sebanyak 4.9 peratus setahun setelah mengambil kira anggaran pertumbuhan KDNK bagi tahun 2019 dan 2020, masing-masing sebanyak 4.7 peratus dan 4.8 peratus. Pada akhir tempoh RMKe-11, pendapatan per kapita negara pada harga semasa dijangka meningkat kepada hampir RM47,155, iaitu pertumbuhan sebanyak 5.1 peratus setahun.

Isu dan Cabaran

4. Dalam penyediaan RMKe-12, penilaian pembangunan sosioekonomi akan terus dilaksanakan bagi mengukur pencapaian dasar yang telah digubal serta mengenal pasti isu dan cabaran yang mengekang pencapaian sasaran pertumbuhan yang telah ditetapkan. Antara cabaran utama yang perlu ditangani adalah seperti berikut:

- i. jurang antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rangkaian bekalan;

- ii. isu berkaitan struktur ekonomi seperti:
 - a) pertumbuhan ekonomi yang kurang didorong oleh produktiviti dan masih bergantung kepada faktor pengeluaran tradisional iaitu modal dan buruh;
 - b) pelaburan masih tertumpu kepada struktur fizikal berbanding jentera dan peralatan yang merupakan cabaran bagi industri beralih kepada struktur pengeluaran berteknologi dan bernilai ditambah yang tinggi; dan
 - c) sektor pembuatan masih menumpukan kepada subsektor dengan rantai nilai yang rendah manakala sektor perkhidmatan masih tertumpu kepada perkhidmatan tradisional.

- iii. isu berkaitan pasaran buruh seperti kadar pengangguran belia dan siswazah yang tinggi, kekurangan pewujudan pekerjaan berkemahiran dan bergaji tinggi, kekurangan pekerja mahir yang diperlukan oleh industri dan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah;

- iv. isu berkaitan kesejahteraan rakyat seperti peningkatan kos sara hidup yang menjejaskan kuasa beli rakyat serta kekurangan penyediaan infrastruktur dan kemudahan mampu milik dan berkualiti meliputi sektor perumahan, kesihatan dan pendidikan;

- v. isu berkaitan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional yang semakin terhakis dan boleh memberi kesan kepada integrasi sosial dan keharmonian masyarakat berbilang kaum;

- vi. isu berkaitan kemampuan alam sekitar seperti pencemaran alam sekitar, perubahan iklim dan risiko bencana alam yang boleh menjejaskan kualiti pembangunan dan kesejahteraan rakyat; dan

- vii. isu kekurangan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap institusi Kerajaan berikutan tadbir urus yang masih kurang cekap dan berkesan di semua peringkat.

Prospek Ekonomi RMKe-12

5. Bagi membolehkan Malaysia muncul sebagai paksi ekonomi yang dinamik di rantau Asia, usaha akan ditumpu untuk meletakkan ekonomi negara di atas landasan pertumbuhan potensi sebenar dalam tempoh RMKe-12. Ekonomi Malaysia disasar berkembang sebanyak 4.5-5.0% setahun dalam tempoh 2021-2025. Pertumbuhan tersebut akan terus dijana oleh perkembangan ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh terutamanya pelaburan swasta. Pelaburan berkualiti akan dipertingkatkan terutamanya dalam jentera dan peralatan seiring dengan usaha negara menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

6. Sektor berorientasikan eksport pula akan dirangsang dengan menggalakkan kepelbagaian produk dan pasaran eksport, mengambil kira perkembangan ekonomi dan perdagangan dunia. Dari sudut sektoral, sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian akan memacu pertumbuhan terutamanya dalam bidang baharu yang berteknologi dan nilai ditambah yang tinggi. Pertumbuhan ini akan terus disokong oleh kadar inflasi yang stabil dan kadar purata pengangguran yang rendah serta lebihan akaun semasa imbangan pembayaran yang masih kukuh.

Kerangka Keberhasilan Bersepadu RMKe-12

7. Kerangka Keberhasilan Bersepadu RMKe-12 akan menjadi panduan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif dan membolehkan Malaysia mencapai objektif pembangunannya menjelang tahun 2025.

8. Wawasan 2020 dan RMKe-11 akan berakhir pada tahun 2020. Sebagai kesinambungan, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) telah diperkenalkan dengan matlamat utama supaya rakyat Malaysia secara keseluruhannya dapat

mengecapi taraf hidup wajar atau *decent standard of living* menjelang tahun 2030.


Tiga objektif utama WKB adalah seperti berikut:

- a. Pembangunan untuk semua;
- b. Mencapai tahap kehidupan wajar dan kesaksamaan pengagihan; dan
- c. Negara bersatu, makmur dan bermaruah.

9. WKB akan dilaksanakan melalui dua pelan pembangunan lima tahun iaitu RMKe-12 dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). Agenda WKB secara keseluruhannya memberi fokus kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan serta inklusif. Di samping itu, di peringkat antarabangsa pula, komitmen untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang merangkumi tiga dimensi iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar akan terus diberi penekanan.

10. Bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan RMKe-12 selaras dengan dasar pembangunan jangka panjang negara serta keutamaan dasar di peringkat antarabangsa, kerangka RMKe-12 telah dijajarkan dengan WKB dan SDG seperti di **Rajah 1**.

Rajah 1: Penjajaran Kerangka Keberhasilan Bersepadu RMKe-12 dengan WKB dan SDG



11. Agenda WKB dan SDG akan disokong oleh strategi dan inisiatif di bawah RMKe-12 yang disusun mengikut tiga dimensi utama yang diberi penekanan sama rata bagi membolehkan objektif utama kemakmuran bersama dapat dicapai. Ringkasan setiap dimensi RMKe-12 ini adalah seperti berikut:

- i. **Dimensi Pemerkasaan Ekonomi** meliputi tiga fokus utama iaitu pemacu dan pemboleh pertumbuhan, ekosistem dan imperatif. Ini turut merangkumi elemen pembangunan lain, antaranya 4IR, ekonomi digital, industri aeroangkasa, ketersambungan infrastruktur dan pengangkutan serta pembangunan wilayah yang bersepadu. Peningkatan inovasi dan produktiviti ke peringkat seterusnya akan diberi tumpuan di samping meningkatkan perdagangan dan pelaburan swasta.

- ii. **Dimensi Perekayasaan Sosial** bertujuan bagi meningkatkan modal sosial, keterangkuman dan kesepaduan sosial termasuklah peningkatan kuasa beli rakyat, pembangunan perusahaan sosial, pembentukan masyarakat Bumiputera berdikari, dan perpaduan nasional dan kesepaduan.
- iii. **Dimensi Kemampanan Alam Sekitar** akan memastikan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan, khususnya bagi memastikan pelan mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim dapat dioperasikan. Dimensi ini turut mengambil kira antara lain, pengurusan ekonomi biru dan hijau, tenaga boleh diperbaharui serta ekonomi kitaran bagi mengurangkan sisa disamping mewujudkan nilai daripada sisa tersebut.

12. Selain daripada tiga dimensi RMKe-12 ini, **alat dasar** baharu seperti *behavioural insight* dan sumber pembiayaan alternatif akan diperkenalkan bagi memudahcara pelaksanaan dasar dan strategi. Di samping itu, proses penyediaan bajet dan kecekapan pengurusan projek akan diperkemaskan. Penambahbaikan **tadbir urus** juga akan dilaksanakan dengan mengeratkan lagi kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta memperkasa kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan komuniti.

13. Ketiga-tiga dimensi RMKe-12 ini akan disokong oleh tujuh Tonggak yang berfungsi sebagai penghubung antara Pemboleh Daya dan Teras Strategik WKB kepada tiga dimensi RMKe-12 dan SDG. Ringkasan setiap Tonggak RMKe-12 ini adalah seperti berikut:

- i. **Tonggak Pertama RMKe-12: Sumber Pertumbuhan** mengambil kira Teras Strategik pertama dan kedua WKB iaitu Ekosistem Perniagaan dan Industri dan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi dengan dimensi Pemeriksaan Ekonomi;
- ii. **Tonggak Kedua RMKe-12: Pertumbuhan Hijau** mengambil kira Pemboleh Daya ketujuh WKB iaitu Kelestarian dan Teras Strategik kedua WKB dengan dimensi Kemampanan Alam Sekitar;

- iii. **Tonggak Ketiga RMKe-12: Pemboleh Pertumbuhan** juga mengambil kira Pemboleh Daya ketujuh WKB iaitu Kelestarian dan Teras Strategik kedua WKB dengan dimensi Kemampanan Alam Sekitar;
- iv. **Tonggak Keempat RMKe-12: Modal Insan** yang diletak di bawah dimensi Pemeraksanaan Ekonomi pula dijajarkan dengan Teras Strategik ketiga dan keempat WKB iaitu Transformasi Modal Insan dan Pengukuhan Pasaran Buruh. Tonggak ini juga dijajar dengan Pemboleh Daya kelima iaitu Pendidikan dan TVET;
- v. **Tonggak Kelima RMKe-12: Inklusiviti dan Kesejahteraan Rakyat** mencerminkan Teras Strategik kelima iaitu Kesejahteraan Sosial dan Teras Strategik Keenam WKB iaitu Keterangkuman Wilayah dan dijajarkan dengan dimensi Perekayasaan Sosial;
- vi. **Tonggak Keenam RMKe-12: Reformasi Institusi** dijajarkan dengan lima Pemboleh Daya WKB iaitu Kemampanan Fiskal, Modal Kewangan, Keberkesanan Penyampaian Institusi, Tadbir Urus dan Integriti serta Data Raya; dan
- vii. **Tonggak Ketujuh RMKe-12: Modal Sosial** pula dijajarkan dengan Pemboleh Daya kelapan iaitu Masyarakat Berpencerahan dan Teras Strategik Ketujuh WKB iaitu Modal Sosial dengan dimensi Perekayasaan Sosial.

14. Tonggak pertama, kedua dan ketiga RMKe-12 ini akan menyokong pencapaian objektif pertama WKB iaitu pembangunan untuk semua. Tonggak keempat dan kelima pula akan menyokong objektif kedua WKB iaitu mencapai tahap kehidupan wajar dan kesaksamaan pengagihan, manakala tonggak keenam dan ketujuh pula akan menyokong pencapaian objektif ketiga WKB iaitu negara bersatu, makmur dan bermaruah.

Perancangan dan Pelaksanaan RMKe-12

15. Dalam memastikan pelaksanaan RMKe-12 berjalan lancar, pendekatan berasaskan *outcome* yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) akan diteruskan. Pendekatan berasaskan *outcome* ini akan memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi serta mengukur pencapaian *outcome* di peringkat nasional dan kementerian. Proses agihan peruntukan pembangunan dan mengurus dapat dibuat dengan lebih cekap dan optimum selaras dengan prinsip nilai terbaik untuk wang, selain memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pemantauan RMKe-12.

16. Kerangka keberhasilan ini menghubungkan kait tonggak RMKe-12 dengan bidang keutamaan dan *outcome* nasional serta *outcome*, program dan aktiviti/projek di peringkat kementerian. Pendekatan *top-down* dan *bottom-up* akan diguna pakai dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pendekatan ini. Petunjuk prestasi utama (KPI) akan mengukur pencapaian *outcome* yang digariskan. Contoh Kerangka Keberhasilan Bersepadu RMKe-12 Peringkat Nasional Bagi Kementerian Pendidikan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2**.

Rajah 2: Contoh Kerangka Keberhasilan Bersepadu RMKe-12 Peringkat Nasional Bagi Kementerian Pendidikan

Pemantauan WKB	Objektif WKB	Mencapai Tahap Kehidupan Wajar dan Kesaksamaan Agihan	
	Sasaran Ekonomi Utama WKB	Bahagian pampasan pekerja (CE) adalah 48% kepada KDNK	
	Prinsip Panduan WKB	Masyarakat Peribelajar	
	Keberhasilan WKB	i. Pemupukan budaya keilmuan dalam kalangan masyarakat ii. Pembangunan generasi pekerja berkemahiran tinggi berdasarkan keperluan industri masa hadapan	
Kerangka Keberhasilan Peringkat Nasional RMKe-12	Tonggak RMKe-12	Pembangunan modal insan yang memacu pertumbuhan ekonomi	
	Bidang Keutamaan RMKe-12	Memperkasa sistem pendidikan	
	Outcome RMKe-12	Peningkatan kualiti pendidikan dan latihan	
	KPI RMKe-12	Sekurang-kurangnya 95% kadar enrolmen pendidikan prasekolah dan menengah	
	Strategi RMKe-12	Menambah baik keberhasilan pembelajaran pelajar	
Kerangka Keberhasilan Peringkat Kementerian	Outcome Kementerian	Aksesibiliti kepada pendidikan berkualiti	
	Program Kementerian	Operasi Pendidikan	
	Outcome program	Penurunan kadar keciciran murid	
	KPI Program	Peratusan enrolmen murid prasekolah lima tahun dan ke atas (%)	
	Aktiviti/ Projek Kementerian	Peruntukan pembangunan (DE)	Peruntukan mengurus (OE)

17. Kementerian perlu merangka *outcome*, program, aktiviti menerusi perancangan projek pembangunan mahupun aktiviti mengurus yang dapat menyumbang kepada pencapaian *outcome* nasional. Kementerian juga perlu mengambil kira input daripada jabatan, agensi, kerajaan negeri, badan berkanun dan syarikat milik kerajaan.

18. Lima perkara utama dalam Kerangka Keberhasilan Peringkat Nasional yang perlu diambil kira oleh kementerian dalam menyediakan kerangka keberhasilan di peringkat kementerian adalah seperti berikut:

- i. **Tonggak:** merupakan teras utama yang diberi penekanan dalam RMKe-12 yang akan merealisasikan pencapaian WKB dan sejajar dengan Dimensi RMKe-12 dan SDG.
- ii. **Bidang Keutamaan:** merupakan bidang tumpuan yang diberikan keutamaan dalam tempoh RMKe-12.

- iii. **Outcome:** merupakan kesan atau keberhasilan yang dijangka diperoleh daripada setiap bidang keutamaan. Satu *outcome* mewakili satu bidang keutamaan.
- iv. **Petunjuk Prestasi Utama (KPI):** merupakan indikator utama bagi menilai atau mengukur pencapaian *outcome* nasional. Indikator yang dipilih perlu bersifat makro dan boleh diwakili sama ada dalam bentuk tahap kepuasan, pemarkahan atau kedudukan indeks nasional atau antarabangsa dan peratus pertumbuhan. KPI yang dicadangkan juga perlulah spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, berorientasikan keberhasilan dan mempunyai tempoh masa tertentu.
- v. **Strategi:** merupakan tindakan berbentuk menyeluruh/nasional yang perlu diberi perhatian dan penekanan dalam merangka program serta aktiviti peringkat kementerian bagi mencapai sasaran *outcome* nasional.

Agihan Siling Secara RP

19. Perancangan dan pelaksanaan projek menerusi pendekatan *Rolling Plan* (RP) akan diteruskan dalam RMKe-12. Jumlah siling dan peruntukan yang akan diluluskan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan. **Anggaran siling bayangan (*shadow ceiling*)** yang diperkenalkan di bawah RMKe-11 perlu dijadikan panduan oleh kementerian/agensi semasa menyediakan cadangan projek supaya kementerian/agensi tidak mengemukakan permohonan yang berlebihan.

Pelaksanaan Projek RMKe-12

20. Prestasi pelaksanaan menjadi pengukur utama dalam penentuan kejayaan sesebuah projek pembangunan. Bagi memastikan keberkesanan perancangan dan pelaksanaan projek, **kementerian/agensi tidak dibenar** membuat sebarang pindaan skop projek termasuk **perubahan lokasi bagi projek yang telah diluluskan**. Sebarang pindaan hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Penetapan Keutamaan Projek

21. Semasa mengemukakan permohonan projek, kementerian/agensi hendaklah memberi keutamaan dan menyegerakan pelaksanaan:

- i. Projek Sambungan RMKe-11;
- ii. Projek yang mendapat kelulusan khas kerajaan; dan
- iii. Projek yang telah diluluskan secara berfasa.

22. Bagi permohonan projek pembangunan baharu, keutamaan akan diberi kepada projek yang memberi impak yang besar kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi. **Bagi mengukuhkan perancangan dan penyediaan projek pembangunan, kementerian/agensi hendaklah menyusun keutamaan projek berasaskan kepada alat perancangan seperti Matriks Kerangka Logik (LFM), Indeks Kreativiti (CI), Pembanding Sektor Awam (PSC) dan Sistem Maklumat Geografi (GIS).**

23. Pengurusan perancangan berlandaskan konsep “*do it right at the first time*” perlu dititikberatkan agar dapat mengatasi tiga permasalahan utama iaitu ketidaksediaan tanah ataupun tapak, brif tidak lengkap dan pengiraan kos yang tidak tepat. Sehubungan ini, cadangan projek baharu perlu mengambil kira tahap kompleksiti projek berdasarkan keutamaan, skop, kos, pelaksanaan dan tempoh. Mekanisme penilaian Gerbang Nilai dan proses Pengurusan Nilai Strategik (VMS) perlu dilaksanakan sebelum sesuatu projek diluluskan oleh MEA. Proses ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri melalui Memorandum Perdana Menteri No. M366/2019 supaya pelaksanaan projek akan melalui fasa VMS atau Gerbang Nilai.

24. Keutamaan juga harus diberi kepada senarai projek di enam negeri yang mana pembangunan adalah di bawah tahap nasional iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Perkara ini juga adalah selaras dengan

sasaran 50.0 peratus agihan peruntukan pembangunan kepada enam negeri tersebut di bawah RMKe-11.

Kriteria Pemilihan Projek

25. Dalam merangka projek baharu supaya menepati kehendak rakyat bagi meningkatkan kesejahteraan, mengurangkan kos sara hidup, sistem penyampaian kerajaan yang lebih cekap dan tingkat daya saing negara yang lebih tinggi, pemilihan projek baharu perlu mematuhi kriteria seperti berikut:

- i. Berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada sebahagian besar masyarakat serta selari dengan *outcome* nasional dan WKB. Projek mempunyai skop dan kos yang bersesuaian dengan dasar dan strategi semasa serta sesuai dengan matlamat, rakyat dan masa hadapan (*fit for purpose, people and future*);
- ii. *Best value for money* dengan memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan akan memberi manfaat kepada rakyat, kerajaan dan negara. Di samping itu, elemen bermewah-mewah dengan reka bentuk yang tidak menyumbang kepada kecekapan fungsi projek dan mengoptimumkan penggunaan ruang yang terhad hendaklah diberikan perhatian sewajarnya;
- iii. Tapak projek siap sedia untuk dimasuki oleh kontraktor. Untuk itu, tapak perlu dipastikan bukan sahaja telah sempurna milik oleh kerajaan malahan mempunyai kebenaran izin lalu bagi tapak milik orang perseorangan/pihak ketiga serta bebas daripada bebanan. Kementerian perlu memastikan perolehan tanah/tapak telah selesai terlebih dahulu sebelum memohon kerja-kerja pembinaan fizikal projek tersebut; dan
- iv. Penyelarasan keutamaan kerajaan negeri dan persekutuan, iaitu kementerian perlu mengambil kira cadangan projek yang diberi keutamaan oleh kerajaan negeri dalam menyusun cadangan projek baharu kementerian.

Penyediaan Projek RMKe-12

Pematuhan Akta/Garis Panduan/Pekeliling

26. Bagi membantu kementerian/agensi membuat perancangan projek pembangunan yang akan dilaksana dalam RMKe-12, akta/pekelling/garis panduan yang masih berkuatkuasa perlu dipatuhi. Akta/pekelling/garis panduan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i. Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 (pindaan 1985), Seksyen 34A Perintah Kualiti Alam Sekeliling Penilaian, Kesan kepada Alam Sekeliling / *Environment Impact Assessment* (EIA) 2015;
- ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa (pindaan 2017), Seksyen 20B / *Social Impact Assessment* (SIA);
- iii. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.1 Tahun 2009: Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan;
- iv. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.2 Tahun 2009: Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan Projek;
- v. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Bil.1 Tahun 2015: Menambah baik Pelaksanaan Pengurusan Nilai Dan Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Dalam Program Projek Kerajaan Persekutuan;
- vi. Arahan Perbendaharaan Malaysia: PK 3.0 berkaitan Perolehan Perunding;
- vii. Arahan Perbendaharaan 182, Kerja-kerja Bagi Jabatan Bukan Teknik;
- viii. Arahan Perbendaharaan Malaysia: PK 1.1 Para 6, Perenggan (v), Lampiran

- 1.5 - Dasar dan Garis Panduan Program Kolaborasi Industri (Industrial Collaboration Programme - ICP) dalam Perolehan Kerajaan, Edisi Kedua;
- ix. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil.3 Tahun 2008: Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Peranan Kementerian/Jabatan Pengguna dalam Perolehan Tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Tanah-tanah Persekutuan Selepas Perolehan;
 - x. Pekeliling Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri Bil.1 Tahun 2009: Garis Panduan Kerjasama Awam Swasta;
 - xi. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 2008: Pelaksanaan *Industrialised Building System* (IBS) Dalam Projek Kerajaan;
 - xii. Surat MOF bil S/K.KEW/PK/MOF/D/29 JLD 4 SK 5(25), bertarikh 16 Disember 2016 perkara: Penguatkuasaan Ke Atas Peraturan Berkaitan *Pre-Approved Plan* (PAP) dan *Industrialised Building System* (IBS) bagi projek kerajaan;
 - xiii. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) Edisi Tahun 2015;
 - xiv. Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti RMKe-12;
 - xv. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2019 berkaitan Pelaksanaan Pembandingan Sektor Awam (Public Sector Comparator - PSC) Dalam Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan; dan
 - xvi. Lain-lain arahan, Pekeliling dan Garis Panduan Kerajaan yang berkuat kuasa.

Pematuhan Dasar dan Peraturan Umum

27. Dalam merangka projek baharu RMKe-12, kementerian dan kerajaan negeri perlu membuat perancangan secara komprehensif dan perlu mengambil kira pandangan pemegang taruh. Sehubungan itu, Kementerian hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

- i. mematuhi Arahan YAB Perdana Menteri Nombor 1 Tahun 2018 bagi memantapkan pengurusan pentadbiran Kerajaan dari segi governans, integriti dan anti rasuah;
- ii. merujuk kepada Buku Merah terbitan Unit Perancang Ekonomi yang telah mengenalpasti isu-isu utama serta penambahbaikan yang perlu dipatuhi bagi mencapai standard masa dan norma kerja dalam melaksanakan projek kerajaan;
- iii. berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun dibawah seliaan masing-masing untuk menyediakan projek pembangunan; dan
- iv. mengambil kira cadangan projek keutamaan negeri yang dikemukakan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Pejabat Pembangunan Negeri masing-masing untuk pertimbangan oleh kementerian sebelum dikemukakan ke MEA. Kementerian hendaklah mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) atau Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) untuk memastikan kementerian mengambil kira perancangan pembangunan di peringkat negeri.

28. Semua projek fizikal perlu diteliti oleh unit teknikal di kementerian atau Jabatan Teknik sebelum dikemukakan kepada MEA. Perancangan projek ini hendaklah selaras dengan:

- i. Rancangan Fizikal Negara yang merumuskan dasar strategi pemajuan fizikal negara serta menterjemah objektif pembangunan negara dalam bentuk

- spatial agar penggunaan tanah dan sumber asli dioptimumkan untuk mencapai pembangunan mampan. Rancangan Fizikal Negara boleh dicapai melalui laman sesawang PLANMalaysia, Kementerian Wilayah Persekutuan;
- ii. Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan yang merumuskan cadangan berkenaan pemajuan dan penggunaan tanah serta menggariskan hala tuju pembangunan sesebuah negeri, daerah dan kerajaan tempatan yang boleh diperolehi daripada pihak berkuasa perancang negeri dan daerah; dan
 - iii. Keperluan menerapkan elemen *rainwater harvesting system* / sistem penuaian air hujan (SPA) dalam projek fizikal pembinaan bangunan baharu. Kementerian/agensi boleh merujuk kepada Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) bagi khidmat nasihat teknikal yang diperlukan.
29. Bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan projek penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C), ICT dan kuarters, semua cadangan projek baharu akan dinilai dan diperaku kepada MEA oleh kementerian/agensi/jawatankuasa berikut:
- i. Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) – projek R&D&C;
 - ii. Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) di bawah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) – projek ICT; dan
 - iii. Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) – projek kuarters.

30. Beberapa badan berkanun telah dikenal pasti mempunyai lebihan yang besar dalam kumpulan wang rezab masing-masing. Dalam mempertimbangkan permohonan projek badan berkanun, kedudukan semasa wang rizab tersebut akan diambil kira. Badan berkanun yang mempunyai sumber kumpulan wang rizab yang besar hendaklah membiayai sebanyak mungkin projek pembangunan masing-masing.

31. Perolehan tanah yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan perlu dipindah milik serta didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.11 Tahun 2007. Selain itu, Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil.3 Tahun 2008 menyatakan bahawa PTP mempunyai kuasa untuk memiliki dan melupuskan tanah kepada dan daripada Kerajaan Persekutuan. Pemilikan tanah adalah penting untuk memastikan projek sedia dilaksanakan. **Permohonan bagi projek binaan tidak akan dipertimbangkan sehingga urusan perolehan dan pemilikan tanah selesai.**

32. Peraturan yang menetapkan *Value Management* (VM) perlu dilaksanakan bagi semua program/projek fizikal bernilai RM50.0 juta dan ke atas dikekalkan. Selain itu, bagi projek-projek bangunan Kerajaan bernilai RM5.0 juta hingga RM50.0 juta dan kerja ubahsuai bangunan dengan nilai RM1.0 juta ke atas adalah diwajibkan untuk mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Standard dan Kos yang diurusetia oleh Bahagian Pengurusan Nilai, MEA.

33. Bagi menjelaskan maksud Belanja Pembangunan dan Belanja Mengurus serta mengelak pertindihan atau keciciran permohonan, kementerian/agensi perlu mematuhi klasifikasi pembiayaan peruntukan berdasarkan Senarai Klasifikasi Pembiayaan Projek di bawah Belanja Pembangunan dan Belanja Mengurus seperti di **Lampiran I**.

34. Sebagai usaha untuk memantapkan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dalam RMKe-12, kementerian/agensi hendaklah mengambil tindakan berikut:

- i. Memastikan maklumat projek dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) adalah tepat dan lengkap. Brif Projek akan dijana daripada SPPII untuk digunakan oleh jabatan teknikal/agensi pelaksana bagi memulakan urusan pra pelaksanaan projek dalam tahun projek diluluskan;
- ii. Mengesahkan tapak/tanah tiada bebanan/tuntutan dan sedia dimasuki oleh kontraktor menerusi maklum balas pihak berkuasa tanah di negeri atau Borang K (projek jalan raya) atau Borang 5A (projek bangunan) dalam SPPII; dan
- iii. Mesti menggunakan *Pre-Approved Plan* (PAP) bangunan yang telah disediakan oleh Jabatan Kerja Raya:
 - a) Sekiranya projek yang hendak dipohon tergolong di dalam salah satu kategori reka bentuk bangunan PAP maka projek tersebut hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai satu komponen reka bentuk PAP sebagai asas penyediaan brif projek;
 - b) Semasa penyediaan brif projek, kementerian/agensi perlu mengenal pasti komponen reka bentuk PAP yang hendak digunakan dengan merujuk kepada Katalog PAP agar bersesuaian dengan keperluan projek; dan
 - c) Sebarang pindaan yang perlu dibuat terhadap reka bentuk PAP hendaklah merujuk kepada Jabatan Teknikal.

35. Kementerian/agensi perlu memulakan kerja-kerja peringkat pra pelaksanaan (penyediaan dokumentasi perolehan) sebaik sahaja mendapat senarai projek daripada MEA. Sehubungan ini, pelaksanaan projek boleh dipercepat dengan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor pada awal tahun pelaksanaan.

Kaedah Mengemukakan Permohonan Projek RMKe-12

36. Semua permohonan projek hendaklah dikemukakan secara *online* melalui Modul e-permohonan di dalam SPPII. Bagi menyokong setiap cadangan projek baharu, kementerian perlu menyediakan perkara berikut sebagai lampiran di dalam SPPII:

- i. Borang Jadual Keperluan Ruang bagi projek fizikal binaan atau ubah suai **(Lampiran II)**;
- ii. Pengesahan brif projek oleh pengguna ruang dan agensi pelanggan **(Lampiran III)**;
- iii. Borang Penilaian Tapak dan Laporan Lawatan Tapak bagi projek bangunan (rujuk Lampiran 2 dan 3 dalam Pekeliling UPE, JPM Bil.2 Tahun 2009);
- iv. Borang Permohonan Peralatan bagi projek perolehan peralatan (rujuk Lampiran 4 dalam Pekeliling UPE, JPM Bil.2 Tahun 2009);
- v. Borang K/Borang 5A atau tanah atas nama PTP/badan berkanun Persekutuan; dan
- vi. *Logical Framework Matrix* (LFM) dan *Creativity Index* (CI) **(Lampiran IV)**.

Tarikh Mengemukakan Permohonan Projek

37. Kementerian hendaklah mengemukakan **permohonan projek RMKe-12 kepada MEA melalui SPPII bermula 1 hingga 31 Mac 2020.**

Pegawai Perhubungan

38. Setiap kementerian, UPEN dan Pejabat Pembangunan Negeri hendaklah melantik seorang pegawai kanan yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dengan MEA bagi menyelaraskan kerja penyediaan RMKe-12. Nama pegawai tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Urus Setia RMKe-12 dalam tempoh dua minggu dari tarikh Garis Panduan ini.

39. MEA akan menyelaraskan permohonan projek melalui pegawai perhubungan yang telah dilantik oleh kementerian/agensi dan UPEN atau Pejabat Pembangunan Negeri.

Pertanyaan berhubung Garis Panduan

40. Sebarang pertanyaan, surat-menyurat dan e-mel mengenai Garis Panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Aras 2, Blok B6

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

u.p. : Pengarah Bahagian Bajet Pembangunan

Tel. : 03 8872 5446/ 5453/ 5449/ 5403

Faks : 03 8888 3768

E-mel: rmk12_gp@mea.gov.my

41. Semua kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun Persekutuan / Institutsi Pengajian Tinggi Awam dan kerajaan negeri adalah diminta memberi kerjasama sepenuhnya dalam penyediaan RMKe-12, iaitu pelan indikatif hala tuju pembangunan negara dalam tempoh 2021-2025 untuk menjayakan agenda pembangunan negara ke arah kemakmuran bersama.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. ISMAIL HJ. BAKAR)

Ketua Setiausaha Negara

Selaku Pengerusi

Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara

JABATAN PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA

19 Disember 2019

LAMPIRAN I

SENARAI KLASIFIKASI PEMBIAYAAN PROGRAM DAN PROJEK DI BAWAH BELANJA PEMBANGUNAN (DE) DAN BELANJA MENGRUS (OE)

Bil	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		DE	OE	
1.	<p>BINA BAHARU, NAIK TARAF DAN UBAH SUAI</p> <p>a. Bina baharu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja pembinaan bangunan/infrastruktur baharu. • Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/infrastruktur. <p>b. Naik taraf:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja menaik taraf fizikal bangunan/infrastruktur sedia ada ke tahap yang lebih baik (termasuk membina bangunan tambahan). • Melibatkan kerja-kerja merubah struktur/saiz sedia ada. • Perolehan kelengkapan/perabot dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/infrastruktur yang dinaik taraf. <p>c. Ubah suai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja ubah suai bangunan/infrastruktur sedia ada yang tidak melibatkan perubahan struktur dan pertambahan saiz seperti ubah suai dalaman bangunan. • Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/infrastruktur yang di ubah suai dan bukan penggantian peralatan sedia ada. 			
Bil	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
	i. Bina baharu, naik taraf dan ubah suai bangunan/infrastruktur termasuk perolehan pakej kelengkapan/perabot dan peralatan.	√		<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah beserta kelengkapan perabot dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, Kota Tinggi, Johor • Menaiktaraf Jalan Kg. Sinar Jaya, Kinabatangan, Sabah • 00600 - Ubahsuai, Naik taraf dan Pembaikan (KKM)

2.	<p>PENYELENGGARAAN</p> <p>a. Kerja-kerja penyelenggaraan aset/harta modal bagi mengesan, mencegah atau memperbaiki kerosakan/kecacatan supaya dapat berfungsi sepenuhnya atau sentiasa berada dalam keadaan baik/sempurna. Contoh: penyelenggaraan bangunan dan kelengkapan perabot/peralatan, kenderaan dan jentera, infrastruktur (jalan, jalan raya, jambatan, longkang, <i>culvert</i>) dan sebagainya; dan</p> <p>b. Kerja-kerja penyelenggaraan tidak mengubah struktur asal bangunan/infrastruktur.</p>			
Bil	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		DE	OE	
	i. Kerja-kerja <u>penyelenggaraan dan pembaikan</u> kompleks/bangunan/infrastruktur dan melibatkan kos melebihi RM100 juta .	√		
	ii. Penyelenggaraan dan pembaikan kecil/berulang seperti mengecat, menukar lampu, kepala paip, pam tandas, wiring, siling, bumbung, dinding, pagar, kerosakan infrastruktur dan kompleks/bangunan, kemudahan mekanikal dan elektrik termasuk penggantian kelengkapan/perabot dan peralatan.		√	<ul style="list-style-type: none"> • 070500 – Pembaikan Bangunan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia • Pendawaian Semula (Elektrik) Pusat Sumber
	iii. Penyelenggaraan rutin seperti <i>resurface & partial construction</i> , tampal lubang, baiki bahu jalan, garis jalan, papan tanda, kelengkapan jalan raya, membersihkan longkang tepi jalan, lampu jalan, memotong rumput, cuci perparitan dan sebagainya.		√	<ul style="list-style-type: none"> • Program MARRIS JKR • 121100 – Penyelenggaraan Sistem Pengairan dan Saliran Kawasan IADA dan Pertanian
	iv. Penyelenggaraan secara perkhidmatan berkala/kontrak ke atas kenderaan dan jentera (termasuk kenderaan dan jentera berat), kapal, bot, peralatan, kumbahan, penghawa dingin, lif, pam, eskalator, kolam air pancur, kerja-kerja pembersihan, makhluk perosak, keselamatan, haiwan, benih dan sebagainya.		√	

Bil	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		DE	OE	
3.	PEROLEHAN ASET TETAP			
	i. Perolehan tanah/tapak untuk pembangunan merangkumi kerja awalan tanah/tapak seperti pembersihan tanah, kerja ukur, penyiasatan tanah, rawatan tanah dan pemagaran.	√		<ul style="list-style-type: none"> • 03900 – Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri (KPM)
	ii. Bayaran premium tanah bagi tujuan pembangunan termasuk bayaran tunggakan.	√		
	iii. Perolehan bangunan sebagai program/projek pembangunan.	√		<ul style="list-style-type: none"> • Projek Makanan Halal di Taman Pengeluaran Produk Usahawan (TPPU) Pedas • Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan Kompleks Penyayang Sarawak
4.	PEROLEHAN HARTA MODAL			
	i. Perolehan peralatan dan kelengkapan pejabat (secara pakej/bersekali dengan bangunan/infrastruktur).	√		<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah beserta kelengkapan perabot dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, Kota Tinggi, Johor
	ii. Perolehan peralatan dan mesin baharu/menaik taraf peralatan sebagai program/projek pembangunan.	√		<ul style="list-style-type: none"> • 01100 – Peralatan dan Kenderaan (KKM) • Perolehan Peralatan Sainifik (MOSTI) • Menaiktaraf Konsol Kawalan Reaktor (MOSTI)

Bil	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		DE	OE	
	iii. Perolehan kenderaan bagi tujuan operasi seperti kereta peronda polis, kereta bomba, JPJ dan ambulan.	√		<ul style="list-style-type: none"> Perolehan Kereta Peronda Polis (MPV) Jenis 4WD 01100 – Peralatan dan Kenderaan (KKM)
	iv. Perolehan kapal, bot, helikopter, kapal terbang, kapal selam.	√		<ul style="list-style-type: none"> 00600 – Kelengkapan (MINDEF/TUDM)
	v. Perolehan haiwan, pokok & benih berkaitan pembangunan seperti pembelian baka ikan untuk pengeluaran benih dan pemprosesan ikan.	√		<ul style="list-style-type: none"> 10750 - Pengeluaran Bibit dan Baka Lembu (MOA)
	vi. Perolehan kenderaan pejabat seperti kereta, bas dan coaster (urusan pentadbiran).		√	<ul style="list-style-type: none"> <i>One-off</i> kenderaan/ jentera – Pembelian kenderaan pejabat
	vii. Perolehan penggantian/ tambahan peralatan & kelengkapan pejabat (bukan secara pakej dengan bangunan/infrastruktur).		√	<ul style="list-style-type: none"> <i>One-off</i> harta modal – Pembelian 10 unit komputer
	viii. Perolehan pokok dan benih yang tidak berkaitan dengan pembangunan seperti untuk hiasan pejabat.		√	<ul style="list-style-type: none"> Senggaraan Landskap Pejabat
5. PEMBANGUNAN MODAL INSAN/LATIHAN				
	i. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan kumpulan sasar.	√		<ul style="list-style-type: none"> 08400 – Projek Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) Skim Kemahiran & Kerjaya 1Malaysia
	ii. Perbelanjaan yang melibatkan peningkatan kapasiti kakitangan kementerian/agensi.		√	<ul style="list-style-type: none"> Seminar, persidangan, kursus dan sebagainya

Bil	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		DE	OE	
6.	PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN			
	i. Bayaran projek-projek PPP/PFI. <ul style="list-style-type: none"> • <i>Maintenance</i> • <i>Asset Replacement</i> • <i>Others</i> 		√	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran CAPEX PFI/PPP
	ii. Bayaran <i>Availability Charges</i> PPP/PFI <ul style="list-style-type: none"> • Pajakan bangunan 	√		<ul style="list-style-type: none"> • (Mesyuarat Jawatankuasa Fiskal pada 22 Jun 2013 memutuskan dibiayai di bawah DE mulai 2015)
	iii. Pembangunan sistem dan fi/yuran langganan/lesen perisian secara program/pakej.	√		
	iv. Penyelenggaraan sistem dan fi/yuran langganan/lesen perisian bukan secara program/pakej.		√	
	v. Perolehan perkhidmatan ICT.		√	
	vi. Program Pemasaran Khas Yang Dikenal Pasti yang menyumbang kepada KDNK (pelancongan & pelaburan).	√		<ul style="list-style-type: none"> • Program promosi pelancongan (MOTAC) • VM2020 • Program penggalakan pelaburan
	vii. Penglibatan dalam aktiviti promosi dan pemasaran di dalam dan luar negara.		√	<ul style="list-style-type: none"> • Dubai Expo • MIHAS
	vi. Dana & tabung seperti Dana Pelaburan Strategi, <i>Techno Fund</i> dan <i>Science Fund</i> .	√		<ul style="list-style-type: none"> • Dana untuk pemangkin Inovasi & Penyelidikan & Pembangunan
	vii. Ekuiti dan pelbagai suntikan modal.	√		<ul style="list-style-type: none"> • Dana Ekuiti Nasional Berhad

BIL	Perkara	Kategori perbelanjaan		Contoh projek
		DE	OE	
	viii. Kajian dan bayaran pakar perunding untuk projek pembangunan.	√		<ul style="list-style-type: none"> Kajian Kejuruteraan <i>Rapid Transit System</i>
	ix. Sewaan dan pajakan (selain PPP/PFI)		√	<ul style="list-style-type: none"> Sewaan bangunan UTC/RTC
	x. Bayaran bil utiliti.		√	<ul style="list-style-type: none"> 100800 – Kos Operasi & Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung KKLW
	xi. Bayaran pampasan/ganti rugi yang ditanggung oleh Kerajaan.		√	
	xii. Bayaran emolumen, elaun dan bantuan tunai kakitangan termasuk kakitangan lantikan kontrak/sementara.		√	
	xiii. Tuntutan perjalanan dalam dan luar negara.		√	
	xiv. Penganjuran majlis perasmian/pecah tanah projek pembangunan.		√	
	xv. Perolehan bahan bercetak, bahan mentah, bahan pakai buang dan seumpamanya.		√	

Disediakan oleh:

Bahagian Bajet Pembangunan
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**CONTOH FORMAT PENGESAHAN BRIF PROJEK OLEH
PENGGUNA RUANG DAN AGENSI PELANGGAN**

PENGESAHAN BRIF PROJEK

SAYA BERSETUJU DAN MENGESAHKAN SEMUA MAKLUMAT
DALAM BRIF PROJEK INI MENEPATI KEPERLUAN PROJEK
DAN KEPERLUAN KEMENTERIAN/JABATAN/BAHAGIAN KAMI.

TANDATANGAN PENGGUNA

NAMA:

JAWATAN:

COP RASMI:

TANDATANGAN AGENSI PELANGGAN

NAMA:

JAWATAN:

LAMPIRAN IV

INTEGRASI LOGICAL FRAMEWORK MATRIX (LFM) DAN CREATIVIY INDEX (CI)

ASAS PENGIRAAN CI DARIPADA LOGICAL FRAMEWORK MATRIX PROJEK

IMPAK UTAMA	KPI UTAMA	SUMBER DATA	RISIKO
KETERANGAN PROJEK	PETUNJUK UTAMA PRESTASI	KAEDAH PENGESAHAN	ANDAIAN
Matlamat Kesan pembangunan yang disumbangkan oleh projek di peringkat nasional dan kementerian.	Ukuran sejauh mana sumbangan secara mampan terhadap pencapaian matlamat telah dibuat. Digunakan semasa membuat penilaian.	Sumber maklumat dan kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan membuat laporan.	
Tujuan Jangkaan <i>outcome</i> setelah projek siap.	Keadaan yang menunjukkan <i>outcome</i> telah dicapai setelah projek disiapkan.	Sumber maklumat & kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat & membuat laporan.	CI Andaian berkaitan hubungan antara tujuan dan matlamat.
Output Hasil langsung yang boleh diukur (barangan/ perkhidmatan) daripada projek yang berada di bawah kawalan pengurusan projek.	Ukuran kuantiti & kualiti output serta tempoh penyerahan. Diguna semasa pemantauan & penilaian.	Sumber maklumat dan kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan membuat laporan.	Andaian berkaitan hubungan antara output & tujuan.
Aktiviti Aktiviti-aktiviti yang perlu dijalankan untuk melaksanakan projek & mencapai output yang dikenalpasti.	Input & Sumber: Pelan Kerja, Pelan Bahan & Peralatan, Sumber Manusia & Bajet bagi menentukan kos kepada kerajaan		Pra-syarat: Tiada apa-apa keadaan yang menghalang pelaksanaan aktiviti projek

Nota: * Integrasi LFM dengan CI

Hubungkait LFM dan CI

PENGIRAAN CREATIVIY INDEX BERASASKAN KEPADA LFM PROJEK

OUTPUT PROJEK (Daripada LFM)	IMPAK (1)	KUANTITI (2)	NILAI TAHUNAN (RM) (3)	PENERANGAN NILAI /SUMBER (4)	JANGKA MASA IMPAK (TAHUN) (5)	JUMLAH ANGGARAN IMPAK KESELURUHAN (RM) (6) = (2*3*5)
	IMPAK PROJEK UTAMA (Daripada LFM)					
					TOTAL IMPAK	

Nilai Total Impak =
 Jumlah Kos Pembangunan (DE) =
 Jumlah Kos Operasi (OE) =

$$\text{CREATIVITY INDEX} = \frac{\text{NILAI JUMLAH IMPAK}}{\text{KOS DE} + \text{OE}}$$

NOTA : LFM mengenalpasti impak yang boleh dicapai manakala CI mengenalpasti potensi impak keseluruhan projek